

09 OCT 2003

MAHATHIR-PENARAFAN

MAHATHIR: PENINGKATAN PENARAFAN S&P CERMIN KEKUKUHAN EKONOMI M'SIA

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan keputusan Standard & Poor's Ratings Services' untuk meningkatkan penarafan kredit kedaulatan mata wang asing jangka panjang Malaysia kepada A- daripada BBB+ menunjukkan bahawa ekonomi negara mencatatkan prestasi yang baik.

"Ekonomi mencatatkan prestasi yang baik, kewangan negara sangat teguh, kita mempunyai rizab yang tinggi dan simpanan kita juga banyak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat terakhirnya dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri di Pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata langkah yang diambil oleh Standard & Poor's itu juga menunjukkan bahawa Malaysia tidak terlalu bergantung kepada pinjaman asing.

Kumpulan Penarafan Kedaulatan Asia-Pasifik S&P juga mengesahkan penarafan mata wang asing jangka pendek Malaysia pada A-2, dan penarafan mata wang tempatan jangka panjang dan pendek pada A+/A-1 dengan tinjauan stabil.

Peningkatan penarafan itu telah memberi rangsangan kepada Indeks Komposit (IK) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) apabila ia melonjak 19.79 mata lagi atau 2.6 peratus kepada 779.41 mata pada sesi penutup hari ini selepas mencecah paras ketinggian baru tahun ini pada 780.63 mata pada 2.46 petang hari ini.

Peniaga pasaran saham berkata kenaikan ini terutamanya adalah hasil daripada minat yang semakin bertambah terhadap BSKL selepas peningkatan penarafan itu.

Bagaimanapun, KLCI ditutup pada 779.41 mata atau pada tahap tertinggi dalam tempoh 17 bulan dan ia meningkat 19.79 mata atau 2.6 peratus daripada 759.62 mata pada penutupan semalam.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata peningkatan penarafan kedaulatan S&P itu akan membantu korporat Malaysia menjadi lebih kompetitif dan mampu menerbitkan bon pada kos yang lebih rendah.

"Baru-baru ini CIMB menerbitkan bon dan saya rasa mereka kini mempunyai sekurang-kurangnya penurunan 10 mata asas bagi kos pinjaman mereka. Ianya memberi prospek yang baik bagi korporat Malaysia dan pasaran modal sedang berada di landasan yang betul," katanya kepada pemberita selepas taklimat mengenai penyenaian Felda di sini.

Jamaludin berkata demikian selepas diminta mengulas mengenai prestasi pasaran saham tempatan selepas peningkatan penarafan S&P itu.

Beliau berkata peningkatan penarafan itu akan menggalakkan lebih banyak syarikat memasuki ke pasaran modal untuk memanfaatkan dana dan mereka boleh memilih menggunakan pelbagai pilihan seperti membuat tawaran awam permulaan (IPO) atau menerbitkan kertas hutang.

Sebagai pulangan, pengumpulan sumber kewangan boleh membantu menjana lebih banyak kegiatan ekonomi di negara ini, katanya.

"Ia (pengembangan perbelanjaan modal dan peningkatan kegiatan ekonomi) adalah bagaimana sektor swasta akan menjadi penaraju untuk memacu ekonomi negara," kata Jamaludin.

Dalam Bajet 2004, sektor swasta telah dikenalpasti untuk menerajui pembangunan ekonomi negara dan menjadi jentera pertumbuhannya.

Apabila ditanya sama ada Malaysia akan menerbitkan bon kedaulatan di

luar negara tidak lama lagi, Jamaludin berkata terdapat banyak mudah tunai dalam pasaran wang tempatan dan kerajaan boleh memanfaatkannya bagi dana.

"Kami akan memutus mengenai perkara ini dari masa ke semasa bila akan memasuki pasaran (terbit bon), yang kami perlukan untuk tujuan menanda aras. (Tetapi) buat masa sekarang kami belum memutuskannya lagi," katanya.

-- BERNAMA

RIZ SM SHY ZK